



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 69**

**7hb Januari 2016**

**No. 1**

---

---

**No. 1.**

UNDANG-UNDANG DARJAH KEBESARAN  
MAHKOTA TERENGGANU  
YANG AMAT DIHORMATI  
(TR.L.N. 20/62)

(Mohor Negeri)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-‘Alamin, Wassalatu-wassalamu-‘Ala Sayyidina Muhammadin-wa’ala Alihi Wasahbihi Ajmain

DENGAN nama ALLAH, Yang Amat Pemurah, Lagi Amat Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH, Tuhan Seru Sekalian Alam, Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH ke atas Penghulu Kami Nabi Muhammad, Keluarga dan Sahabatnya.

BAHAWASANYA, BETA, menurut undang-undang 29, Undang-Undang Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (*Tr. L.N. 20/62*) (selepas dari ini disebut “Undang-Undang tersebut”) telah khas kepada diri BETA, Bakal-bakal dan Waris-waris Ganti Kuasa BETA, kuasa penuh berkenaan dengan membatalkan, mengubah, menambah, mentafsir atau tiada mengubah dengan memakai undang-undang ini, itu mana-mana sebahagian daripadanya dengan jalan Pengisytiharan Undang-undang yang ditandatangani oleh BETA atau Mereka itu.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa BETA yang terkandung di bawah Undang-undang 29, Undang-undang tersebut BETA, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan takluknya, dengan ini meminda Undang-undang tersebut seperti berikut:-

#### Pindaan Statut 4

1. Statut 4 tersebut dipinda

- (a) Dengan menomborkan semula Statut yang sedia ada sebagai perenggan 4(1); dan
- (b) Dengan memasukkan selepas perenggan 4(1) Statut, perenggan 4(2) yang berikut:-

4(2) Usia minimum bagi penerima Darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' ialah 50 tahun.

Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berhak dengan budi bicara Baginda untuk mengurniakan apa jua Darjah Kebesaran Negeri kepada sesiapa yang Baginda ampuni perkenan yang telah mempamerkan perkhidmatan terbilang atau membuat jasa cemerlang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Negeri Terengganu.

#### Pindaan Statut 8

2. Statut 8 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 8(2) perenggan 8(3) dengan yang berikut:-

- 8(3) Apabila isteri pertama meninggal dunia, isteri baru atau isteri kedua boleh menggunakan gelaran To' Puan setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Mudah-mudahan ALLAH, segala Pujian adalah bagi-Nya dan bagi-Nya nama yang Mulia dan Tertinggi, Raja bagi sekalian Raja, mencucuri Kurnia-Nya dan mudah-mudahan Nabi Muhammad (segala rahmat dan kesejahteraan ALLAH ke atasnya) memberkati akan undang-undang tersebut selama-lamanya.

Amin: Ya Allah Seru Sekalian Alam.

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Syaaban Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Tiga Puluh Lima(1435) bersamaan dengan 23 haribulan Jun Tahun Dua Ribu Empat Belas (2014).

Dengan Titah Perintah,

*Setiausaha  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

STATUTES OF THE HONOURABLE ORDER  
OF THE CROWN OF TERENGGANU  
(TR.L.N. 20/62)

(State Seal)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-‘Alamin, Wassalatu-wassalamu-‘Ala Sayyidina Muhammadin-wa’ala Alihi Wasahbihi Ajmain

IN the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, Praise be to Allah, the Lord of Universe, and may the Benediction and Peace of ALLAH be upon Our Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.

WHEREAS WE HAVE, by Laws 29, Statutes Of The Honorable Order Of The Crown Of Terengganu (Tr.L.N. 20/62) (hereinafter referred to as “the Statutes”) reserve to Ourselves, Our Heirs or Successors, full power of annulling, altering, augmenting, interpreting or dispensing with these Statutes or any part thereof by Notification and signed by Us or Them.

NOW, THEREFORE, in exercise of Our powers under Law 29 of the Statutes, WE, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan

Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies, do hereby amend the Law as follows:

Amendment of Statute 4

1. Statute 4 of the statutes is hereby amended:

- (a) By renumbering the existing statute as paragraph 4(1)
- (b) By inserting after paragraph 4 (1) of the statute, the following

4(2) The minimum age for any person to be conferred the honour of being admitted to the First or Second Class of the Order shall be 50 years of age.

However, His Royal Highness the Sultan has absolute discretion to admit any such persons who have rendered meritorious or excellent services to His Royal Highness the Sultan or to the State of Terengganu, to any of the Classes of this Order.

Amendment of Statute 8

2. Statute 8 of the statutes is hereby amended by inserting after paragraph 8(2), a new paragraph 8(3) as follows:-

- 8(3) Upon the death of the first wife, the new or the second wife may on all occasions hold, use and enjoy the title To' Puan upon obtaining the consent of His Royal Highness the Sultan.

May ALLAH, to whom be Praised whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His Grace and may the PROPHET MUHAMMAD (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His blessing to these Statutes forever and ever.

AMEN: O Lord of the Universe.

DONE at Our Palace, Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu on 26 Syaaban One Thousand Four Hundred Thirty Five (1435) Hijrah corresponding to 23 June Two Thousand Fourteen (2014).

By Command,

*Secretary of  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

**No. 2.**

STATUT DARJAH KEBESARAN  
SULTAN MAHMUD TERENGGANU  
YANG AMAT TERPUJI  
(TR.P.U. 1/82)

(Mohor Negeri)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-‘Alamin, Wassalatu-wassalamu-‘Ala Sayyidina Muhammadin-wa’ala Alihi Wasahbihi Ajmain

DENGAN nama ALLAH, Yang Amat Pemurah, Lagi Amat Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH, Tuhan Seru Sekalian Alam, Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH ke atas Penghulu Kami Nabi Muhammad, Keluarga dan Sahabatnya.

BAHAWASANYA, BETA, menurut Statut 30, Statut Darjah Kebesaran Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (*Tr. P.U. 1/82*) (selepas dari ini disebut “Statut tersebut”) telah khas kepada diri BETA, Bakal-bakal dan Waris-waris Ganti BETA, kuasa penuh membatalkan, mengubah, menambah, mentafsir atau mengecualikan statut-statut ini atau mana-mana bahagian daripadanya dengan jalan Pengisytiharan yang ditandatangani oleh BETA atau Mereka itu.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa BETA yang terkandung di bawah Statut 30, Statut tersebut BETA, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan takluknya, dengan ini meminda Statut tersebut seperti berikut:-

Pindaan Statut 4

1. Statut 4 tersebut dipinda

- (a) Dengan menomborkan semula Statut yang sedia ada sebagai perenggan 4(1); dan
- (b) Dengan memasukkan selepas perenggan 4(1) Statut, perenggan 4(2) yang berikut:-

4(2) Usia minimum bagi penerima Darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' Seri atau Dato' ialah 50 tahun.

Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berhak dengan budi bicara Baginda untuk mengurniakan apa jua Darjah Kebesaran Negeri kepada sesiapa yang Baginda ampuni perkenan yang telah mempamerkan perkhidmatan terbilang atau membuat jasa cemerlang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Negeri Terengganu.

Pindaan Statut 8

2. Statut 8 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 8(2) perenggan 8(3) dengan yang berikut:-

- 8(3) Apabila isteri pertama meninggal dunia, isteri baru atau isteri kedua boleh menggunakan gelaran To' Puan Seri atau To' Puan setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Mudah-mudahan ALLAH, segala Pujian adalah bagi-Nya dan bagi-Nya nama yang Mulia dan Tertinggi, Raja bagi sekalian Raja, mencucuri Kurnia-Nya dan mudah-mudahan Nabi Muhammad (segala rahmat dan kesejahteraan ALLAH ke atasnya) memberkati akan undang-undang tersebut selama-lamanya.

Amin: Ya Allah Seru Sekalian Alam.

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Syaaban Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Tiga Puluh Lima(1435) bersamaan dengan 23 haribulan Jun Tahun Dua Ribu Empat Belas (2014).

Dengan Titah Perintah,

*Setiausaha  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

STATUTES OF DARJAH KEBESARAN  
SULTAN MAHMUD TERENGGANU  
YANG AMAT TERPUJI

(State Seal)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-‘Alamin, Wassalatu-wassalamu-‘Ala Sayyidina Muhammadin-wa’ala Alihi Wasahbihi Ajmain

IN the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, Praise be to Allah, the Lord of Universe, and may the Benediction and Peace of ALLAH be upon Our Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.

WHEREAS WE HAVE, by Statutes 30, Statutes Of Darjah Kebesaran Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (Tr.P.U. 1/82) (hereinafter referred to as “the Statutes”) reserve to Ourselves, Our Heirs or Successors, full power of annulling, altering, augmenting, interpreting or dispensing with these Statutes or any part thereof by Notification and signed by Us or Them.

NOW, THEREFORE, in exercise of Our powers under Statutes 30 of the Statutes, WE, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies, do hereby amend the Statutes as follows:

Amendment of Statute 4

1. Statute 4 of the statutes is hereby amended:
  - (a) By renumbering the existing statute as paragraph 4(1)

(b) By inserting after paragraph 4 (1) of the statute, the following

4(2) The minimum age for any person to be conferred the honour of being admitted to the First or Second Class of the Order shall be 50 years of age.

However, His Royal Highness the Sultan has absolute discretion to admit any such persons who have rendered meritorious or excellent services to His Royal Highness the Sultan or to the State of Terengganu, to any of the Classes of this Order.

Amendment of Statute 8

2. Statute 8 of the statutes is hereby amended by inserting after paragraph 8(2), a new paragraph 8(3) as follows:-

8(3) Upon the death of the first wife, the new or the second wife may on all occasions hold, use and enjoy the title To' Puan Seri or To' Puan upon obtaining the consent of His Royal Highness the Sultan.

May ALLAH, to whom be Praised whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His Grace and may the PROPHET MUHAMMAD (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His blessing to these Statutes forever and ever.

AMEN: O Lord of the Universe.

DONE at Our Palace, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu on 26 Syaaban One Thousand Four Hundred Thirty Five (1435) Hijrah corresponding to 23 June Two Thousand Fourteen (2014).

By Command,

*Secretary of  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

**No. 3.**

STATUT DARJAH KEBESARAN  
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU  
YANG AMAT TERPILIH  
(TR.P.U. 484/2000)

(Mohor Negeri)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-‘Alamin, Wassalatu-wassalamu-‘Ala Sayyidina Muhammadin-wa’ala Alihi Wasahbihi Ajmain

DENGAN nama ALLAH, Yang Amat Pemurah, Lagi Amat Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH, Tuhan Seru Sekalian Alam, Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH ke atas Penghulu Kami Nabi Muhammad, Keluarga dan Sahabatnya.



BAHAWASANYA, BETA, menurut Statut 31, Statut Darjah Kebesaran Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (*Tr. P.U. 484/2000*) (selepas dari ini disebut “Statut tersebut”) telah khas kepada diri BETA, Bakal-bakal dan Waris-waris Ganti BETA, kuasa penuh membatalkan, mengubah, menambah, mentafsir atau mengecualikan statut-statut atau mana-mana bahagian daripadanya dengan jalan Pengisytiharan yang ditandatangani oleh BETA atau Mereka itu.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa BETA yang terkandung di bawah Statut 31, Statut tersebut BETA, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan takluknya, dengan ini meminda Statut tersebut seperti berikut:-

#### Pindaan Statut 4

##### 1. Statut 4 tersebut dipinda

- (a) Dengan menomborkan semula Statut yang sedia ada sebagai perenggan 4(1); dan
- (b) Dengan memasukkan selepas perenggan 4(1) Statut, perenggan 4(2) yang berikut:-

4(2) Usia minimum bagi penerima Darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato’ Seri Utama atau Dato’ Seri atau Dato’ ialah 50 tahun.

Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berhak dengan budi bicara Baginda untuk mengurniakan apa jua Darjah Kebesaran Negeri kepada sesiapa yang Baginda ampuni perkenan yang telah mempamerkan perkhidmatan terbilang atau membuat jasa cemerlang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Negeri Terengganu.

Pindaan Statut 8

2. Statut 8 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 8(2) perenggan 8(3) dengan yang berikut:-

8(3) Apabila isteri pertama meninggal dunia, isteri baru atau isteri kedua boleh menggunakan gelaran To' Puan Seri Utama atau To' Puan Seri atau To' Puan setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Mudah-mudahan ALLAH, segala Pujian adalah bagi-Nya dan bagi-Nya nama yang Mulia dan Tertinggi, Raja bagi sekalian Raja, mencucuri Kurnia-Nya dan mudah-mudahan Nabi Muhammad (segala rahmat dan kesejahteraan ALLAH ke atasnya) memberkati akan undang-undang tersebut selama-lamanya.

Amin: Ya Allah Seru Sekalian Alam.

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu pada 26 haribulan Syaaban Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Tiga Puluh Lima(1435) bersamaan dengan 23 haribulan Jun Tahun Dua Ribu Empat Belas (2014).

Dengan Titah Perintah,

*Setiausaha  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

STATUTES OF DARJAH KEBESARAN  
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU  
YANG AMAT TERPILIH  
(TR.P.U. 484/2000)

(State Seal)

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN  
Sultan Terengganu

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah-rabbil-'Alamin, Wassalatu-wassalamu-'Ala Sayyidina Muhammadin-wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain

IN the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, Praise be to Allah, the Lord of Universe, and may the Benediction and Peace of ALLAH be upon Our Leader Muhammad and upon all His Relations and Friends.

WHEREAS WE HAVE, by Statutes 31, Statutes Of Darjah Kebesaran Sultan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (Tr.P.U. 484/2000) (hereinafter referred to as "the Statutes") reserve to Ourselves, Our Heirs or Successors,

full power of annulling, altering, augmenting, interpreting or dispensing with these Statutes or any part thereof by Notification and signed by Us or Them.

NOW, THEREFORE, in exercise of Our powers under Statutes 31 of the Statutes, WE, AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat Diraja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K.[Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K.[Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K.[Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Terengganu Darul Iman and all its Dependencies, do hereby amend the Statutes as follows:

#### Amendment of Statute 4

1. Statute 4 of the statutes is hereby amended:

- (a) By renumbering the existing statute as paragraph 4(1)
- (b) By inserting after paragraph 4(1) of the statute, the following

4(2) The minimum age for any person to be conferred the honour of being admitted to the First or Second Class of the Order shall be 50 years of age.

However, His Royal Highness the Sultan has absolute discretion to admit any such persons who have rendered meritorious or excellent services to His Royal Highness the Sultan or to the State of Terengganu, to any of the Classes of this Order.

#### Amendment of Statute 8

2. Statute 8 of the statutes is hereby amended by inserting after paragraph 8(2), a new paragraph 8(3) as follows:-

- 8(3) Upon the death of the first wife, the new or the second wife may on all occasions hold, use and enjoy the title To' Puan Seri Utama, To' Puan Seri or To' Puan upon obtaining the consent of His Royal Highness the Sultan.

May ALLAH, to whom be Praised whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His Grace and may the PROPHET MUHAMMAD (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His blessing to these Statutes forever and ever.

AMEN: O Lord of the Universe.

DONE at Our Palace, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu on 26 Syaaban One Thousand Four Hundred Thirty Five (1435) Hijrah corresponding to 23 June Two Thousand Fourteen (2014).

By Command,

*Secretary of  
Dewan Pangkuan DiRaja  
Terengganu*

**No. 4.**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO FORCE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekyen 1(3) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu menetapkan 30 September 2015 sebagai tarikh Seksyen atau Subseksyen 22 (2A), 22 (2B) dan 58 Akta itu mula berkuat kuasa di seluruh Negeri Terengganu.

In exercise of the powers conferred by subsection 1(3) of the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*], the State Authority of Terengganu appoints 30 September 2015 as the date on which Section or Subsection 22 (2A), 22 (2B) and 58 of the Act comes into force in the whole State of Terengganu.

Bertarikh 1 November 2015

Dated 1 November 2015

[SUK.TR 1200/324/BHG.9-(18); JPBD.TR.1/7178/12-(30);

PUN.TR. 70/1 Jld.4(52)]

DATO'SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN

*Menteri Besar  
Terengganu*

**No. 5.**

## KANUN TANAH NEGARA

## NATIONAL LAND CODE

## PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

## RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 214412 Lembar Piawai 66-B-III yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Masjid Kampung Tanggol dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

## JADUAL

Daerah—Hulu Terengganu. Mukim—Tanggol. Kawasan—Kampung Tanggol. No. Pelan— PA 214412. Lembar Piawai—66-B-III. No. Lot—61038. Luas—15878 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. PA 214412 Sheet No. 66-B-III deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Tanggol Village Mosque and has designated that the Commissioner of Religious Affairs of Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Hulu Terengganu. Mukim—Tanggol . Locality—Kampung Tanggol. Plan No.—PA 214412. Sheet No.—66-B-III. Lot No.—61038. Area—15878 square metres.

Bertarikh 21 Disember 2015  
Dated 21 December 2015  
[PTG. TR. 03/62/2007/J/091;  
PTHT. 08/62/2006/J/001 (36);  
PUN. TR. 70/I Jld.4(57)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 6.**

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Bil. 68* yang disiarkan pada 10 September 2015 Pemberitahuan No. 922:

- (a) Dalam teks bahasa Kebangsaan, gantikan perkataan “Kubang Pait” dengan perkataan “Kubang Parit”.
- (b) Dalam teks bahasa Inggeris, gantikan perkataan “Kubang Pait” dengan perkataan “Kubang Parit”.

In the Government of Terengganu Darul Iman *Gazette* No.68 published on 10 September 2015 Notification No. 922:

- (a) In national language text, substitute the words “Kubang Pait” the words “Kubang Parit”
- (b) In english language text, substitute the words “Kubang Pait” the words “Kubang Parit”

Bertarikh 21 Disember 2015

Dated 21 December 2015

[PTG. TR. 00/01/2015/01/01;

PTK.TR.BC/04/2011/39/02;

PUN. TR. 70/1 Jld.4(59)]

ZULKIFLI BIN ALI

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

*Terengganu/*

*Secretary of the State Executive Council  
of Terengganu*

**No. 7.**

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Bil. 68* yang disiarkan pada 10 September 2015 Pemberitahuan No. 923:

- (b) Dalam teks bahasa Kebangsaan, gantikan perkataan “Kubang Nerus Pakoh” dengan perkataan “Kuala Nerus, Pakoh”.

---

In the Government of Terengganu Darul Iman *Gazzete* No.68 published on 10 September 2015 Notification No. 923:

- (b) In national language text, substitute the words “Kubang Nerus Pakoh” the words “Kuala Nerus, Pakoh”

Bertarikh 21 Disember 2015  
Dated 21 December 2015  
[PTG. TR. 00/01/2015/01/01;  
PTK.TR.BC/04/2011/39/02;  
PUN. TR. 70/1 Jld.4(59)]

ZULKIFLI BIN ALI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*Terengganu*

**No. 8.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 840 yang disiarkan pada 27 Ogos 2015 (No. 18) adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Meriam binti Ismail” kepada perkataan “Pn. Meriam binti Ismail”

Bertarikh 25 November 2015  
[PTG.Tr. 03/55/2015/B/003]

**No. 9.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 841 yang disiarkan pada 27 Ogos 2015 (No. 18) adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Wan Nur Mardhiah binti Wan Zahari” kepada perkataan “Cik Wan Nur Mardhiah binti Wan Ismail”

Bertarikh 25 November 2015  
[PTG.Tr. 05/55/2015/B/016]

**No. 10.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 842 yang disiarkan pada 27 Ogos 2015 (No. 18) adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Low Yoke Meng” kepada perkataan “En. Low Yoke Meng”

Bertarikh 25 November 2015  
[PTG.Tr. 04/55/2015/B/007]

**No. 11.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 840, 841 dan 842 yang disiarkan pada 27 Ogos 2015 (No. 18) adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Mohd Jamel Azizi bin Mohd Jidin” kepada perkataan “Mohd Jamel Aziz bin Mohd Jidin”

Bertarikh 25 November 2015  
[PTG.Tr. 04/55/2015/B/007; PTG.Tr. 03/55/2015/B/003; PTG.Tr. 05/55/2015/B/016]

**No. 12.**

(Seksyen 265)

PENGISYTIHARAN JUALAN

(Kali Pertama)

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

DI ANTARA

HONG LEONG BANK BERHAD  
(Dahulunya dikenali Eon Bank Berhad)

PEMEGANG GADAIAN

DAN

Shaiful Asraf Bin Malik  
K/P. 740805-03-5029/A 2745028

PENGGADAI



Menurut perintah Pentadbir Tanah Marang yang dibuat pada 17 November 2015 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Marang.

Akan menjual secara lelongan awam pada 10 Febuari 2016 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Marang, Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat Carian Persendirian/Rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

1. Butir-butir Hakmilik:

Jenis Dan No. Hakmilik	: H.S(M). 3443.
Mukim / Daerah / Negeri	: Pulau Kerangga / Marang / Terengganu.
Tempat / Lokaliti	: Kelulut.
No. Lot / Petak / PT	: PT 15257.
Keluasan	: 100 Meter Persegi.
Cukai Tanah / Tahunan	: RM 10.00.
Tuanpunya Berdaftar	: Shaiful Asraf bin Malik K/P. No. 740805-03-5029 / A 2745028
Taraf Pegangan	: Selama-lamanya.
Tempoh Pajakan	: —.
Jenis / Kategori Penggunaan Tanah	: Bangunan

Syarat Nyata

- (i) Tanah diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau didalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekatan Kepentingan	: Tiada
Catatan Dan Kemasukan Lain	: Tanah Orang Melayu
Bebanan (Pemegang Gadaian)	: Digadai kepada Hong Leong Bank Berhad (No. Sykt.97141-x) No. Perserahan 1591/2004 Bertarikh 24 Ogos 2004
Lokasi Dan Perihal Tanah	: Hartanah ini terletak di No. 52, Taman Desa Darul Iman, Kelulut, 21600 Marang, Terengganu.
Harga Rezab	: RM55,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Lima Ribu Sahaja).

### 3. Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (Jika dibenarkan oleh undang-undang)
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rezab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Marang dalam perintah (Borang 16H) atau Perisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah deposit sebanyak 10% daripada harga rizab iaitu selewat-lewatnya 30 minit sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Deposit (3) hendaklah dalam bentuk Bank Draf (sahaja) kepada Pemegang Gadaian dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan di sebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan pemegang gadai.
7. Baki harga tawaran/pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh jual beli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah melanggar Perjanjian Jual beli dan Wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan/diagihkan mengikut seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.
8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Bertarikh 9 Disember 2015  
CRC/NHP/76400002832;  
[PTM. 05/75/2011/0004]

FATEN UMMAIMAH BINTI SAIDI  
*Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftar)*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Marang Terengganu*

**No. 13.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Faten Ummaimah binti Saidi, Penolong Pentadbir Tanah Marang pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) Bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 10 Febuari 2016 pada 10.00 pagi di Ruang Lobi Pejabat Tanah dan Marang.
  - (b) Bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM55,000.00. (Dalam Perkataan: Lima Puluh Lima Ribu Ringgit)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM:
- (a) RM36,818.40 nama Pemegang Gadaian Hong Leong Bank Berhad bertarikh 17.11.2015
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) Penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:
    - (i) RM5,500.00 (dalam perkataan Lima Ribu Lima Ratus Ringgit)
  - (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian:
  - (c) Dimana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya
    - (i) Maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar, dan
    - (ii) Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 9 Jun 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Pulau Kerengga. No. P.T—15257. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3443. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1591/2004. Bertarikh: 24 Ogos 2004.

Bertarikh 9 Disember 2015  
[CRC/NHP/76400002832;  
PTM.05/75/2011/0004]

FATEN UMMAIMAH BINTI SAIDI  
*Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftar)*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Marang Terengganu*

**No. 14.**

(Seksyen 254)

## NOTIS PERLANGGARAN MENGENAI SESUATU GADAIAN

Kepada Mohd Riduan Bin Abdul Latif No.K/P: 801001-06-5499 yang beralamat di No. 5, Taman Gemilang 1, Jalan Rambutan, 23100 Paka, Dungun, Terengganu Darul Iman, dan / atau yang beralamat di No. 8/920, Kampung Sungai, Karang Pantai, 26100 Berserah, Pahang Darul Iman, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual ini di bawah mengenai tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, telah melanggar peruntukan-peruntukan cagaran ini dengan ingkar untuk membuat bayaran yang mana setakat 25 Ogos 2015 telah terjumlah sebanyak RM385,359.71 bersama-sama gantirugi (Ta'Widh) pada kadar 1% setahun yang dikira berdasarkan jumlah yang perlu dibayar dan tarikh jumlah bayaran ansuran bulanan tersebut menjadi tertunggak sehingga penyelesaian penuh dan akhir atau sebarang jumlah yang dibenarkan oleh Syariah dan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Pengawasan Syariah pihak bank serta kos kepeguaman di atas dasar Penguamcara dan anakguam.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan untuk sesuatu tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum daripada notis ini.

Maka kami sebagai pemegang cagaran dengan kuasa yang telah diberikan kepada kami di bawah Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, 1965 dan lampiran kepada dokumen Gadaian (Borang 16A) dengan ini mengkehendaki anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini meremedikan pelanggaran ini.

Dan sila ambil perhatian sekiranya anda gagal meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh yang telah ditetapkan itu, maka kami akan memohon untuk perintah jualan ke atas hartanah yang dicagar.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot.—7713. Jenis dan No. Hakmilik—G.M.6224. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2184/2010, Tarikh: 3/8/2010

Bertarikh 27 Ogos 2015  
[RCO/L/BIMB/8573/2015(GD)]

ISMAIL BIN SULONG  
(NRIC: 701216-11-5037)  
*Tandatangan (atau lain-lain  
cara penyempurnaan oleh  
atau bagi Pihak Pemegang*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA